

# DEXALONE TABLET

Dexamethasone (0.5mg, 0.75mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dexamethasone Tablet
2. Bagaimana Dexamethasone Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Dexamethasone Tablet
4. Cara menggunakan Dexamethasone Tablet
5. Semasa menggunakan Dexamethasone Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dexamethasone Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP
11. Nombor Siri

## Apakah kegunaan Dexamethasone Tablet

Dexamethasone diambil untuk:

- Mengurangkan inflamasi
- Merawat beberapa penyakit yang berkaitan dengan sistem imunisasi badan.

Sila rujuk pada doktor untuk maklumat lanjut.

## Bagaimana Dexamethasone Tablet berfungsi

Dexamethasone Tablet mengandungi dexamethasone, yang tergolong di dalam kumpulan ubat kortikosteroid. Kortikosteroid berfungsi dengan mengurangkan inflamasi.

Sesetengah ubat boleh meningkatkan kesan Dexamethasone Tablet dan doktor anda mungkin akan memantau anda dengan teliti jika anda mengambil ubat-ubat tersebut (termasuk beberapa ubat untuk HIV seperti cobicistat).

## Sebelum menggunakan Dexamethasone Tablet

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil ubat ini jika:

- selepas tarikh luput yang tertera pada pek
- jika bungkusannya koyak atau terdapat tanda diusik.
- jika anda mempunyai alahan terhadap dexamethasone atau sebarang bahan lain di dalam persediaan ubat ini. Tanda yang menunjukkan anda alah terhadap ubat ini ialah berasa gatal, ruam

atau sesak nafas.

- jika anda mempunyai jangkitan
- jika anda mengambil vaksinasi baru-baru ini

Jika anda tidak pasti sama ada anda harus mula mengambil ubat ini, cakap pada doktor atau ahli farmasi anda.

Doktor akan menyediakan beberapa ujian atau pemeriksaan untuk anda seperti ujian darah, ujian kencing, ujian najis, ujian mata, pertumbuhan dan pembesaran untuk kanak-kanak dan remaja.

### Mengandung dan menyusu

Jangan ambil Dexamethasone Tablet jika anda mengandung, cuba untuk mengandung, atau rasa anda mungkin mengandung.

Jangan ambil Dexamethasone Tablet jika anda menyusukan anak. Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil apa-apa ubat.

Dexamethasone boleh dijumpai di dalam susu ibu dan menyebabkan kesan yang tidak diingini.

### - Sebelum menggunakannya

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Dexamethasone Tablet jika anda:

- *Acquired Immunodeficiency Syndrome (AIDS)* atau *Human Immunodeficiency Virus (HIV)*
- Pembedahan usus baru-baru ini
- Masalah jantung
- Tekanan darah tinggi
- Kerosakan buah pinggang atau hati
- Menjalani dialisis
- Pendedahan pada Cacar air atau Campak baru-baru ini
- Kencing manis
- Jangkitan sistemik
- Glaukoma (Tekanan tinggi dalam mata menyebabkan kehilangan penglihatan beransur-ansur)
- Osteoporosis (Tulang berliang dan rapuh)
- *Ocular herpes simplex* (Jangkitan virus mata)
- *Hyperlipidemia* (Jumlah lemak

dalam darah tinggi)

- Jumlah hormon tiroid tidak normal
- *Myasthenia gravis* (Kelemahan otot luar biasa)
- *Oral herpetic lesions* (Jangkitan virus menyebabkan luka sakit pada bibir, gusi, lidah, lelangit mulut, atau bahagian dalam pipi).
- *Tuberculosis* (Batuk kering akibat jangkitan paru-paru)
- *Systemic lupus erythematosis* (Keadaan dimana sistem imun seseorang menyerang tisu sihat)
- Feokromositoma (tumor kelenjar adrenal)

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Ubat-ubat lain boleh menjejaskan fungsi Dexamethasone ataupun Dexamethasone yang boleh menjejaskan fungsi ubat-ubat lain. Senarai ubat yang terlibat:

- estrogen, ubat perancang kehamilan.
- barbiturate, carbamazepine, phenytoin, dan primidone, rawatan untuk sawan
- rifampicin, rawatan untuk jangkitan bakteria
- *Non-Steroidal Anti-Inflammatory Drugs* (NSAIDs), ubat untuk menahan sakit atau mengurangkan inflamasi
- antikoagulan dan agen thrombolytic, rawatan untuk cairkan darah
- insulin, ubat untuk kencing manis
- diuretik, sebagai pil air
- antasid, rawatan untuk pedih ulu hati, iritasi perut atau ketakcernaan
- aminoglutethimide, ubat untuk rawatan kanser
- ephedrine, ubat untuk melegakan hidung yang tersumbat
- acetazolamide, ubat untuk merawat glaukoma

# DEXALONE TABLET

Dexamethasone (0.5mg, 0.75mg)

- suplemen untuk kalium, natrium, dan asid folik
- salicylates (ubat penahan sakit)

Doktor dan ahli farmasi anda mungkin mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat- ubatan untuk berhati-hati atau dielakkan ketika mengambil Dexalone Tablet.

## Cara menggunakan Dexalone Tablet

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Berapa banyak harus digunakan

Dos antara 0.5mg sehingga 9mg sehari sebagai dos tunggal atau dos dibahagikan.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika anda terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

### - Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda

mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan ketakcernaan atau kerengsaan perut, dan kemurungan mental atau psikosis.

## Semasa menggunakan Dexalone Tablet

### - Perkara yang perlu dilakukan

Guna ubat anda mengikut arahan doktor

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Dexalone Tablet. Elakkan mengambil alkohol.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan Dexalone Tablet kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

*Memandu dan menggunakan jentera*

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Dexalone Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda

dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Pengambilan steroid termasuk *Dexamethasone* boleh menyebabkan masalah mental yang serius.

Kesan-kesan sampingan lain termasuk selera makan meningkat, ketakcernaan, kegelisahan, masalah untuk tidur, katarak (keruh pada lensa mata), kencing manis, perubahan warna kulit, pening, kemerahan pada muka atau pipi, penumbuhan rambut secara tidak normal pada badan atau muka, alahan, tiba-tiba buta, kekeliruan, keterujaan atau perubahan mood, disorientasi, khayalan, kemurungan mental, paranoia, peningkatan pembekuan darah, osteoporosis, lebam tidak normal, dan penyembuhan luka terjejas.

Dexamethasone boleh menyembunyikan simptom - simptom perkembangan atau pengaktifan semula ulser kolitis tidak spesifik (keradangan usus besar), diverticulitis (keradangan kantung kecil di dalam usus besar), esofagitis (keradangan esofagus), gastritis (keradangan perut) atau ulser peptik (ulser perut atau usus). Jadi pendarahan dalaman dan/atau perforasi (lubang) mungkin berlaku tanpa amaran.

Penghentian atau pengurangan dos mengejut boleh menyebabkan kekurangan adrenal yang menyebabkan rasa tidak selesa, kelemahan otot, sakit otot atau sendi, sakit di bahagian perut atau belakang, pening, pengsan, demam gred rendah, hilang selera makan yang berterusan, mual, muntah, sesak nafas, sakit kepala yang kerap atau tidak dapat dijelaskan, kepenatan atau keletihan yang tidak biasa, hilang berat badan secara mendadak, *hypoglycemia* (gula dalam darah rendah), hipotensi (tekanan darah rendah) dan dehidrasi. Kemunculan semula penyakit boleh berlaku.

Terus beritahu doktor anda jika anda

# DEXALONE TABLET

Dexamethasone (0.5mg, 0.75mg)

mendapati mana-mana masalah ini, rujuk seorang doktor serta-merta.

Jika anda mendapati reaksi alahan kepada Dexamethasone, jumpa doktor serta- merta.

Reaksi alahan termasuk:

- Apa-apa jenis ruam kulit atau gatal pada kulit
- Kesukaran bernafas atau pengsan

Jika kesan sampingan menjadi serius atau anda mempunyai apa-apa kesan sampingan yang tidak tersenarai dalam risalah ini, beritahu kepada doktor anda secepat mungkin. Dan jika anda mendapati masalah- masalah ini, beritahu doktor atau ahli farmasi anda segera.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [nppra.gov.my](http://nppra.gov.my) [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

## Cara penyimpanan dan pelupusan

Dexalone Tablet

### - Penyimpanan

Pastikan sentiasa ditutup rapat. Simpan di tempat kering pada suhu di bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya dan kelembapan. Jauhkan daripada capaian kanak-kanak.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah.

Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

- Dexalone Tablet 0.5 mg  
Tablet berbentuk bulat dan leper, berwarna putih, mempunyai garis belahan pada satu sisi dan permukaan rata pada sisi yang lain, dengan diameter 6.5 – 6.6 mm

### Dexalone Tablet 0.75 mg

Tablet berbentuk bujur, berwarna putih, mempunyai garis belahan pada satu sisi dan permukaan rata pada sisi yang lain.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif  
Sebiji tablet Dexalone Tablet mengandungi 0.5mg atau 0.75mg dexamethasone
- Bahan tidak aktif
- Corn Starch
- Tween 80
- Lactose
- Isopropyl Alcohol
- Magnesium Stearate

### - Nombor MAL

Dexalone Tablet 0.5mg  
MALXXXXXXXXX

Dexalone Tablet 0.75mg  
MALXXXXXXXXX

## Pengilang

PT. Sydna Farma  
Jl. RC Veteran No. 89,  
Kelurahan Bintaro, Kecamatan  
Pesanggrahan,  
Kota Jakarta Selatan, Provinsi DKI  
Jakarta, 12330, Indonesia

## Pemegang Pendaftaran Produk

Duopharma Manufacturing (Bangi)  
Sdn Bhd  
Lot No. 2, 4, 6, 8 & 10, Jalan P/7,  
Section 13, Bangi Industrial Estate,  
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor  
Darul Ehsan

## Tarikh kemas kini RiMUP

15/07/2026

## Nombor Siri

NPRA (R2) 25/206